



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH
Berita Harian

Misi kukuhkan perdagangan sawit di China

» *Matlamat mahu tingkatkan 70 peratus penggunaan minyak sawit*

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

HANGZHOU, CHINA

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas mengetuai satu misi ekonomi dan promosi ke Republik Rakyat China bagi mengukuhkan perdagangan produk sawit dan kayu-kayan Malaysia ke negara itu.

Semasa misi itu, Datuk Amar Douglas Uggah Embas turut merasmikan Forum Kesihatan dan Pemakanan Minyak Sawit anjuran bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Lanzhou University Nutrition and Health Research Center di Chongqing, China.

Chongqing adalah salah sebuah daripada empat bandar di bawah pentadbiran langsung kerajaan pusat China dan juga perbandaran yang terbe-

sar di Wilayah Barat negara China.

Penganjuran forum tersebut adalah bagi meyakinkan para pengguna di Wilayah Barat negara itu tentang kebaikan pemakaian minyak sawit.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas dalam ucaptamanya berkata, penggunaan minyak sawit di China adalah sebanyak 6 juta tan. Matlamat MPIC adalah meningkatkan penggunaan minyak sawit ke 70 peratus penggunaan minyak sayuran di negara China dengan membuka pasaran baru untuk minyak sawit di negara itu.

“Salah satu pasaran baru adalah minyak sawit merah yang kaya dengan karotena. Minyak sawit merah dibuktikan kebajikannya bagi mencegah penyakit rabun malam dalam beberapa negara termasuk Afrika Selatan, Amerika Selatan dan akhir-akhir ini di kalangan 2,000 kanak-kanak sekolah di Wilayah Gansu, China.

Kerjasama

Katanya, Malaysia turut bekerjasama dengan institusi ternama dalam penyelidikan pemakanan sawit secara proaktif bagi membuktikan bahawa minyak sawit adalah selamat dimakan.

“Ini termasuk kajian klinikal terbaharu yang dijalankan oleh pakar dari Southeast University, sebuah pusat penyelidikan utama Kementerian Pendidikan Chi-



Datuk Amar Douglas menyampaikan cenderamata kepada Dekan Lanzhou University Nutrition and Health Research Center, Prof. Dr. Wang Yu. Turut dilihat dari kiri Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPIC, Datuk M. Nagarajan; Duta Besar Malaysia ke China, Dato' Zainuddin Yahya; Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuen May.

na,” katanya.

Seramai 150 pakar dalam bidang pemakanan, pengamal perubahan, pakar minyak dan lemak serta pegawai kerajaan China dari Chongqing menghadiri seminar ini. Pakar terbabit turut bertukar pandangan dari segi teknikal mengenai isu pemakanan minyak sawit dan membincangkan kebaikan minyak sawit terhadap kesihatan.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dalam ucaptamanya semasa majlis pembukaan rasmi forum itu berkata, Malaysia adalah pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia. Pada tahun 2014, Malaysia telah mengeksport 25.02 juta tan produk berasaskan sawit atau 40 peratus daripada

eksport produk berasaskan sawit ke seluruh dunia.

150 negara guna minyak sawit

“Minyak sawit bukan sahaja penting kepada Malaysia, malah juga penting kepada 150 negara yang menggunakan minyak sawit. Selain China, pasaran minyak sawit Malaysia utama termasuk India, Eropah, Pakistan, Amerika Syarikat dan Asia Barat,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuen May ketika membentangkan kertas kerja plenari bertajuk ‘Research Advancements in Palm Oil Nutrition’ di forum itu berkata, hasil kajian di seluruh dunia dari tahun 1992 hingga 2015 menunjukkan bahawa minyak sa-

wit adalah setanding dengan minyak tak tepu, seperti minyak zaitun dan canola, dalam kesannya terhadap kolesterol.

Sebanyak lapan kertas kerja telah dibentangkan semasa forum ini yang merangkumi pelbagai aspek pemakanan minyak sawit Malaysia. Forum ini telah meyakinkan para pengguna dan pakar pemakanan di Negara China mengenai kebaikan minyak sawit.

Selain itu, Datuk Amar Douglas Uggah Embas turut mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan kerja ke kilang oleokimia Teck Guan (China) Ltd. Co. di Rugao, Jiangsu serta mengadakan perbincangan bersama pengimport minyak sawit China di Shanghai.

MPOB laksana insentif tanam semula sawit Oktober

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad watie@mpob.gov.my

Kuching: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melaksanakan Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS 2015) menerusi dana sebanyak RM100 juta mulai 1 Oktober ini.

Menteri Perusahaan Perladan-

ngan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata skim itu menyasarkan usaha penanaman semula pokok sawit tua dan produktif di kawasan seluas 83,000 hektar.

Di bawah SITS 2015, katanya, pemohon yang layak untuk dipertimbangkan adalah dari sektor perladangan.

“Permohonan di bawah skim

ini dibuka mulai 1 Oktober 2015 dan pemohon yang diluluskan diberi tempoh sehingga 31 Disember 2015 untuk menebang pokok sawit yang tidak produktif,” katanya dalam satu kenyataan di sini, baru-baru ini.

Beliau bagaimanapun menjelaskan, kelulusan permohonan skim itu berdasarkan prinsip ‘sia-pa cepat, dia dapat’ dengan pe-

runtukan insentif sebanyak RM1,500 sehektar bagi kelulusan kawasan seluas 33,000 hektar dalam fasa pertama. Bagi fasa kedua, insentif RM1,000 sehektar pula melibatkan kelulusan kawasan seluas 50,000 hektar.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, pelaksanaan SITS 2015 itu akan menyumbang kepada pengurangan pengeluaran

minyak sawit mentah sebanyak 250,000 tan.

“Pengurangan pengeluaran ini akan menyumbang kepada penurunan paras stok minyak sawit dan seterusnya akan dapat membantu menstabilkan harga MSM. Pemohon skim berkenaan digalakkan mengemukakan permohonan mereka menerusi dalam talian di www.mpob.gov.my.

Prestasi harga minyak sawit yang kurang mem-berangsangkan telah membelenggu industri sawit tempatan, dengan harga minyak sawit mentah (CPO) mengalami penurunan ketara sebanyak 13 peratus kepada RM 2,174.50 setan untuk tempoh masa Januari hingga Ogos 2015 berbanding RM 2,502.00 setan bagi tempoh yang sama tahun lepas. Banyak faktor yang menjejaskan prestasi harga industri sawit ini termasuk antara lain keadaan ekonomi dunia yang kurang baik dan seterusnya mengurangkan permintaan terhadap produk-produk sawit dan stok CPO tempatan yang tinggi.

Lanjutan daripada ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk menstabilkan harga CPO dan terus menjamin pendapatan yang berpatutan kepada industri sawit negara, terutamanya pekebun kecil. Antara langkah-langkah ini ialah pelaksanaan program biodiesel sawit B7 dalam sektor pengangkutan yang menggunakan CPO sebanyak 575,000 tan. Melalui penggunaan sejumlah CPO ini, ia dapat membantu mengurangkan lebih stok minyak sawit semasa.

Pada masa yang sama, dengan unjuran peningkatan pengeluaran CPO bagi bulan September 2015, kerajaan juga menggalakkan sektor perladangan untuk mengawal jadual tanam semula sawit syarikat-syarikat berkenaan demi mengurangkan pengeluaran dan stok CPO tempatan. Di samping itu, di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) telah disediakan peruntukan kepada pekebun-pekebun kecil sawit untuk menanam semula sawit yang tua dan tidak produktif.

Dalam hal ini, sebagai insentif dorongan untuk syarikat-syarikat perladangan untuk berbuat demikian, YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah mengumumkan bahawa MPOB akan melaksanakan Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS 2015) dengan dana sebanyak RM100 juta mulai 1 Oktober 2015. Skim ini akan dibuka kepada sektor perladangan sahaja dan menasarkankan tanaman semula pokok-pokok sawit seluas 83,000 hektar yang tidak produktif dan tua.

Permohonan untuk SITS 2015 akan dibuka dari 1 Oktober 2015 dan akan ditutup pada 31 Disember 2015. Kelulusan untuk skim ini adalah berdasarkan prinsip 'first come first served' dan akan merangkumi dua fasa iaitu:

Fasa Pertama: Insentif sebanyak RM1,500 sehektar bagi keluasan 33,000 hektar

Fasa Kedua: Insentif sebanyak RM1,000 sehektar bagi keluasan 50,000 hektar.

Pelaksanaan SITS 2015 dijangka akan mengurangkan pengeluaran CPO sebanyak 250,000 tan yang akan membantu penurunan stok CPO dan seterusnya menstabilkan harga minyak sawit.

Dengan ini, syarikat yang terlibat dalam sektor perladangan adalah didorong untuk mendaftar awal bagi penyertaan dalam skim SITS 2015 untuk mendapatkan kadar bantuan insentif yang lebih tinggi.

Industri sawit negara adalah penting untuk perkembangan ekonomi negara dan menyumbang kepada pendapatan negara. Oleh itu, Kerajaan melalui MPIC dan MPOB sentiasa memastikan kesejahteraan dan perkembangan industri sawit yang sihat. Semua pihak yang terlibat dalam industri sawit perlu bekerjasama dalam usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan MPOB dalam memperkukuhkan harga minyak sawit.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB



Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama delegasi bergambar bersama pihak pengurusan Teck Guan Jiangsu Oleochemical Plant. Turut serta Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar dan Datuk Dr Choo Yuen May.

Menteri MPIC lawat Teck Guan Oleochemical Plant

» *Delegasi diberi taklimat, dibawa melawat kilang oleokimia*

Oleh **Nik Aznizan Nik Ibrahim**
aznizan@mpob.gov.my

■ **Shanghai**

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas serta delegasi dari Malaysia mengadakan lawatan kerja ke Teck Guan Jiangsu Oleochemical Plant yang terletak di Kawasan Pembangunan Ekonomi Rugao, di sini sempena Misi Ekonomi dan Promosi Produk Sawit dan Kayu-Kayuan ke negara China, baru-baru ini.

Teck Guan adalah syarikat mul-

tinasional Malaysia yang diasaskan pada tahun 1935 dan terbabit dengan sektor perladangan, perindustrian termasuk oleokimia, perdagangan dan pelbagai cabang perniagaan lain.

Syarikat yang beribu pejabat di Tawau, Sabah itu mempunyai lebih 5,000 pekerja yang bertugas di 80 syarikat cawangan di beberapa negara seluruh dunia.

Delegasi Malaysia disambut dan diberi taklimat oleh Pengerusi Eksekutif Teck Guan, Datuk Hong Ngit Ming sebelum dibawa melawat ke kilang oleokimia.

Produk oleokimia

Kilang Jiangsu Oleochemical yang mempunyai kapasiti 400 tan metrik sehari atau 130,000 tan metrik setahun mampu menghasilkan produk oleokimia yang digunakan oleh syarikat pengeluar produk pengguna seperti produk penjagaan diri dan produk industri yang lain.

Delegasi Malaysia juga dimaklum-

kan bahawa dari tahun 2000 hingga 2015, kapasiti industri alkohol lemak di China berkembang 14.7 kali ganda. Pada masa ini, jumlah kapasiti alkohol lemak di China adalah 735,000 tan metrik setahun.

Dalam usaha untuk mengekalkan kelebihan pasaran yang kompetitif, Teck Guan sedang melaksanakan strategi serampang dua mata, iaitu meningkatkan kepelbagaian produk dan menggiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Pada sesi perbincangan yang diadakan sempena lawatan itu, kebanyakan pembeli dari negara China menggemari produk oleokimia dari Malaysia kerana bekalan yang mudah diperolehi dan dalam kuantiti yang lebih kecil.

Lawatan ke kilang oleokimia Teck Guan turut disertai oleh Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Galak laksana amalan mampan

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**
watie@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Industri sawit negara digalakkan untuk melaksanakan amalan mampan termasuk pensijilan minyak sawit mampan yang dikenali sebagai Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dalam ucapan perasmian Majlis Suai Kenal Industri Sawit (POFP) yang dibacakan oleh Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berkata, bagi menggalakkan lebih banyak pengeluaran minyak sawit mampan, MS-

PO dilaksanakan pada awal tahun 2015.

"Skim ini adalah berdasarkan undang-undang dan peraturan di Malaysia dan merupakan komitmen kerajaan bagi memastikan sawit ditanam secara mampan. Setakai ini, 10,243 hektar kawasan tanaman sawit diperakui di bawah MSPO.

Beri maklum balas

Katanya, amalan secara mampan ini adalah bagi memberi maklum balas kepada para pengkritik yang mendakwa pembangunan industri sawit menyumbang kepada penebangan hutan dan pemusnahan habitat liar.

"Kempen seumpama ini dirancang oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) negara maju tanpa

mengambil kira pembangunan industri sawit di Malaysia adalah berdasarkan kaedah dan peraturan serta undang-undang yang ditetapkan.

"Di Malaysia, pokok sawit ditanam di atas tanah pertanian sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang.

"Malaysia telah melaksana komitmen yang dibuat semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992 untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada kawasan tanah negara ini diliputi hutan," katanya.

Katanya, pada masa ini, Malaysia masih mengekalkan lebih 50 peratus daripada kawasan tanah adalah hutan.

Industri sagu disaran contohi sektor sawit

» Aktiviti R&D peringkat potensi komersial

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

► Mukah

Industri sagu negara berpotensi dipelbagaikan seperti industri sawit yang kini telah berjaya mengeksploitasi nilai komersial dalam sektor sampingannya termasuk biojisim, penjana tenaga, pengeluaran baja, perabot, komponen automotif dan makanan kesihatan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata industri sawit telah mengambil pendekatan sisa sifar dalam pembangunannya dan ini menghasilkan penjana pulangan tinggi daripada sektor penting itu.

Sektor biojisim juga berpotensi

untuk industri sagu memandangkan pokok rumbia yang menghasilkan sagu mempunyai ciri-ciri seperti pokok sawit, kata beliau semasa merasmikan Karnival Balau (Rumbia) Dalat 2015 di Tebingan Pekan Dalat dekat sini, baru-baru ini.

Turut hadir di karnival tahunan itu termasuk Menteri Kebaikn, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat, Datuk Fatimah Abdullah; Menteri Muda Kemudahan Awam (Bekalan Air) dan Pertanian (Pertubuhan Peladang) Sarawak, Datuk Sylvester Entri Muran, serta ADUN Balingian, Yussibnosh Balo.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan dapat meningkatkan lagi potensi komersial industri sagu terutamanya dalam usaha menokok nilai tambah untuk sektor berkenaan.

Beliau berkata, tanaman rumbia berpotensi menjadi produk eksport penting bagi Malaysia memandangkan ia berjaya menca-



Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Datuk Fatimah Abdullah bersalaman dengan pengunjung Karnival Balau Dalat.

takan kenaikan harga ketika kebanyakan komoditi seperti getah, sawit, koko, dan nilai mata wang ringgit turun ketika ini.

Tingkat ekonomi negara

Rumbia berjaya membuktikan ia bukan sahaja tanaman menguntungkan bagi pekebun kecil, malah mampu meningkatkan ekonomi negara apabila mencatatkan nilai eksport mencecah RM32.4 juta pada tahun lalu.

“Nilai eksport rumbia negara mencecah RM32.4 juta dengan jumlah 17,816 tan pada 2014, sekali gus membuktikan ia tanaman yang menguntungkan pe-

kebun kecil dan negara.

“Hanya harga rumbia masih tetap naik. Ini bermakna tanaman rumbia bukan hanya penting kepada pekebun kecil, malah negara kerana kekal kukuh ketika harga komoditi lain mengalami penurunan,” tambah beliau.

Beliau berkata Rancangan Malaysia Ke-11 turut menumpukan perhatian untuk meningkatkan hasil pengeluaran rumbia dengan menyediakan bantuan infrastruktur untuk memudahkan pekebun kecil rumbia memasarkan hasil tanaman mereka.

Sehingga kini, kerajaan telah menyalurkan peruntukan ber-

jumlah RM50 juta bagi membantu pekebun kecil rumbia di Sarawak sejak 2007 hingga 2010 dan RM40 juta lagi pada 2011.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas juga berkata pihak kementerian sedang menyediakan kertas Kabinet mengenai pelaksanaan Program B10 yang pada awalnya dilancarkan pada Oktober.

Malaysia melaksanakan Program B7 sepenuhnya pada hujung tahun 2014. Di bawah program ini, 7 peratus ester metil sawit diadunkan bersama 93 peratus diesel petroleum untuk menghasilkan biodiesel yang dipasarkan secara komersial di negara ini.

Malaysia sumbang 42 peratus dagangan sawit global

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Minyak sawit Malaysia mencatat sumbangan sebanyak 42 peratus dalam perdagangan minyak sawit global hasil daripada penanaman sawit di kawasan seluas 5.3 juta hektar pada tahun 2014.

Bekalan minyak sawit meliputi satu per tiga daripada keseluruhan permintaan minyak sayuran secara global atau 29.78 peratus daripada hasil minyak dan lemak dunia.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, industri sawit adalah salah satu penyumbang ekonomi utama dan sumber penting pendapatan eksport Malaysia.

“Prestasi positif industri yang berterusan memberi sumbangan ketara kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia,” katanya dalam ucapan perasmian Program Suai Kenal Minyak Sawit (POFP) anjuran Lembaga Minyak Sawit Ma-



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar dan Datuk Dr Choo Yuen May, Zainal Azman Abu Seman dan Feny Nuli.

aysia (MPOB) bersama Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), Kementerian Luar Negeri (KLN), di sini baru-baru ini.

Ucapan beliau dibacakan oleh Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad.

Katanya, pada 2014, produk sawit menyumbang RM66.12 bilion kepada pendapatan eksport negara.

Katanya lagi, industri sawit turut menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 500,000 orang dalam pelbagai sektor yang dijalankan.

“Walaupun besar sumbangannya kepada dunia, minyak sawit tetap menghadapi pelbagai cabaran dalam pasaran global.

“Salah satunya ialah dakwaan tidak berasas menyatakan minyak sawit tidak sesuai sebagai

sumber pemakanan. Kempen memburukkan minyak sawit ini berlaku sejak tahun 1980-an lagi.

Katanya, yang terbaru berlaku di Perancis apabila pengeluar makanan melabelkan produk keluaran mereka dengan label “Tiada Minyak Sawit”.

“Walau bagaimanapun, Malaysia percaya bagi mengatasi cabaran seumpama ini adalah melalui penghasilan data yang boleh dipercayai daripada penyelidikan secara saintifik.

Penyelidikan antarabangsa

“Justeru, kajian secara meluas dengan kerjasama pusat penyelidikan antarabangsa terutama berkaitan aspek pemakanan dijalankan bagi memberi maklum balas terhadap kempen anti minyak sawit.

“Saya bangga untuk mengatakan, berdasarkan kajian yang dijalankan, terbukti bahawa minyak sawit mempunyai khasiat yang unggul.

Beliau berkata, Malaysia akan terus menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk menyediakan produk baharu berasaskan sawit untuk kegunaan ko-

muniti global.

“Ini termasuk produk nutrasetikal dan farmasetikal berasaskan sawit. Di samping itu, minyak sawit menawarkan kelebihan daya saing berbanding minyak lain untuk aplikasi dalam sektor makanan dan bukan makanan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapan aluannya berkata, POFP adalah program tahunan yang dianjurkan bagi memberi pendedahan keseluruhan spektrum industri sawit Malaysia kepada para peserta.

“Ini termasuk perkembangan semasa dan kemajuan industri, aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam pelbagai aspek sawit, usaha bagi menangani isu kemampanan, strategi bagi mempertingkatkan pendapatan sektor pekebun kecil, aspek pengkomersialan dan perdagangan minyak sawit.

Menurutnya, program yang direka khusus itu akan memberi manfaat kepada peserta bagi memperolehi maklumat mengenai industri sawit Malaysia yang dinamik.

POFP sedia platform bincang perkembangan industri sawit

» Platform bagi bincangkan perkembangan industri sawit semasa

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Program Suai Kenal Minyak Sawit (POFP) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) di bawah Kementerian Luar Negeri (KLN) menyediakan platform yang tepat bagi membincangkan perkembangan industri sawit semasa.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar menyampaikan sijil dan cenderamata penghargaan kepada peserta POFP.

Mohammad Khair-il Anuar berkata demikian semasa menyampaikan ucapan penutup pada Majlis Makan Malam Penutupan dan Penyampaian Sijil kepada peserta POFP 2015 di sini, baru-baru ini.

Katanya, POFP menyediakan ruang perbincangan yang meliputi pelbagai aspek industri sawit melalui siri ceramah, lawatan dan interaksi bersama para penggiat industri sawit Malaysia.

"Saya percaya program ini telah

memberi gambaran tentang pembangunan industri minyak sawit dan merupakan platform yang tepat untuk membincangkan perkembangan industri sawit di samping mempamerkan teknologi dan aplikasi terkini mi-

nyak sawit yang terdapat di pasaran.

Katanya, minyak sawit adalah minyak yang sangat baik, semula jadi, berkhasiat, kos efektif dan serba boleh.

"Ciri-ciri teknikal minyak sawit tidak dapat ditandingi oleh minyak lain, daya saing harga dan kelebihan tekno-ekonomi menjadikannya sangat popular terutama di kalangan pengguna.

Sebar pengetahuan

Beliau berharap para peserta dapat menyebarkan pengetahuan yang diperoleh berkaitan minyak sawit apabila kembali ke negara asal masing-masing.

Katanya, pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh akan memberi lebih pemahaman mengenai industri sawit dan akan lebih menghargai minyak sawit Malaysia.

POFP adalah program yang dirancang bagi memberi pendedahan tentang industri sawit dan dianjurkan sejak tahun 1982 lagi. Jumlah peserta yang menyertai POFP sejak diadakan telah mencecah 1,200 orang daripada lebih 100 negara.

POFP edisi ke 35 tahun ini, disertai oleh hampir 60 peserta daripada 20 negara seluruh dunia dan disokong oleh pelbagai pihak termasuk para penggiat industri sawit Malaysia.



MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition

Save The Date

6 - 8 OCTOBER 2015

Kuala Lumpur Convention Centre
Kuala Lumpur, Malaysia

Oil Palm:
Powering the World,
Sustaining the Future

• 5 CONCURRENT CONFERENCES

- Agriculture, Biotechnology & Sustainability
- Chemistry, Processing Technology & Bio-Energy
- Oleo & Specialty Chemicals
- Global Economics & Marketing
- Food, Health & Nutrition

• OVER 300 EXHIBITION BOOTHS

• EVENING FORUM

- Theme: Powering the World, Sustaining the Future



MPOB
Organised by:
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia

For more information, please contact:

Ruba'ah Masri (+603-8769 4567) Nurul Aishah Musa (+603-8769 4568)



pipoc2015@mpob.gov.my | www.mpob.gov.my

MPOB juara KIK MPIC

» Kumpulan Full Throttle juara kategori teknikal, E-Skuad kategori pengurusan

Oleh Abdul Razak Jelani, Mohd Ikmal Hafizi Azaman dan Abdullah Hashim
razak@mpob.gov.my, ikmalhafizi@mpob.gov.my, dollah@mpob.gov.my

Putrajaya

Kemampuan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat MPIC 2015 sekali lagi terseloh dengan kejayaan kumpulan Full Throttle dari Bahagian Biologi dan kumpulan E-Skuad dari Bahagian Pelesenan

dan Penguatkuasaan yang mewakili MPOB.

Kumpulan Full Throttle menjuarai kategori teknikal manakala kumpulan E-Skuad menjuarai kategori pengurusan, masing-masing membawa pulang piala pusingan dan hadiah bernilai RM3,000.

Konvensyen KIK MPIC adalah acara tahunan bagi memilih calon Kumpulan KIK ke peringkat Kebangsaan yang akan diadakan di Kuantan, Pahang pada 24 hingga 26 Oktober ini.

KIK adalah antara usaha kerajaan bagi menggalakkan penjawat awam terbabit secara langsung dalam program kreativiti dan inovasi bagi menyelesaikan sesuatu masalah di samping menghasilkan inovasi baru.

Kumpulan Full Throttle yang dianggotai oleh 10 anggota mengetengahkan projek bertajuk 'Cantas Kurang Efisien'.

Projek ini berjaya menampilkan enam inovasi baru yang berjaya



Ahli Kumpulan Full Throttle dan E-Skuad bersama Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May. Turut kelihatan Pengarah Biologi, Dr Norman Kamarudin (duduk kanan) dan Pengarah Pengurusan Kewangan dan Pembangunan, Mohamad Nor Abdul Rahman (duduk kiri).

menyelesaikan beberapa masalah Cantas versi lama iaitu isu ketahanan, berat dan getaran yang tinggi dan dikenal pasti antara punca kemerosotan penggunaan dan penjualan Cantas.

Hasil enam inovasi baharu

Enam inovasi baharu yang berjaya dihasilkan merangkumi tiga inovasi di bahagian kepala pemotong Cantas, dua inovasi di bahagian gahang dan pertukaran dari enjin jenama baru yang lebih ringan.

Dengan terhasilnya inovasi baru ini, teknologi Cantas telah da-

pat ditambah baik dengan ciri-ciri yang lebih lasak, ringan dan rendah getaran. Ini dibuktikan dengan maklum balas daripada pengguna Cantas versi baru yang dikenali Cantas Evo.

Kumpulan Full Throttle diwakili oleh Salmah Jahis selaku ketua kumpulan, Abdul Razak Jelani, Mohd Rizal Ahmad, Mohd Solah Deraman, Mohd Ramdhan Khalid, Mohd Ikmal Hafizi Azaman, Zaprunizam Mohamad Ali, Zahara Mohamed, Aminulrahid Mohamed dan Mohamad Borhan Selamat. Abd Rahim Shuib dan Dr. Norman Kamarudin masing-

masing bertindak sebagai fasilitator dan penasihat kumpulan Full Throttle.

Sementara itu, kumpulan E-Skuad yang dianggotai tujuh anggota berajaya meraih juara dengan projek 'Sindiket curi minyak sawit sukar dikesan'.

Aktiviti kecurian minyak sawit gagal dikesan berikutan masalah untuk menjejak pergerakan sindiket curi yang bergerak aktif. Masalah dapat diselesaikan dengan adanya sistem pemantauan secara berkomputer iaitu atau dikenali 'Sistem Pemantauan Sawit' (SPS).



Datuk Dr Choo Yuen May bersama Bon Fleming dan Sharon Tan ketika kunjungan ke Ibu Pejabat MPOB, baru-baru ini.

Saintis AS minat kenali industri sawit Malaysia

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: MPOB menerima kunjungan Pegawai Alam Sekitar, Sains, Teknologi, dan Kesihatan, Bon Fleming bersama dengan Pakar Ekonomi Sharon Tan daripada Pejabat Kedutaan Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia baru-baru ini.

Kunjungan yang disambut oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuen May

dan pihak pengurusan MPOB itu bertujuan mengenali industri sawit di Malaysia.

Isu kemampanan industri sawit

Perbincangan ketika lawatan tertumpu kepada aspek berkaitan isu kemampanan industri sawit dan kesannya terhadap alam sekitar termasuk mengutarakan isu Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) dan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) yang dilaksanakan

di Malaysia.

Datuk Dr. Choo Yuen May menyifatkan kunjungan berkenaan sebagai langkah dalam mewujudkan hubungan baik MPOB bersama pihak Amerika Syarikat terutama dalam kolaborasi dua hala melibatkan dua buah negara dalam pembangunan dan kemampanan industri sawit terutamanya dalam menangkis dakwaan pihak barat yang mampu menjatuhkan imej minyak sawit di mata dunia.

Amerika Syarikat mengimport minyak mentah, oleokimia dan minyak isirung sawit dari Malaysia meskipun negara tersebut adalah antara pengeluar minyak dan lemak utama dunia. Bermula awal tahun sehingga Ogos 2015, minyak sawit dan produk berasaskan sawit bernilai RM2,314.6 juta (AS\$ 641.38 juta) dieksport ke Amerika Syarikat.

ICOPM2
INTERNATIONAL COMPETITION ON OIL PALM MECHANISATION
Organized by: MPOB

Enter now & stand a chance to **WIN US\$ 1 million**

WE CRAVE INNOVATION

The International Competition on Oil Palm Mechanisation is back - bigger and better! ICOPM 2 will pit the world's best innovators against each other as they develop the ultimate machine to maximise upstream productivity.

DO YOU?

If you think you have what it takes to revolutionise the oil palm industry, now is the time to show what you can do.

Secretariat for International Competition on Oil Palm Mechanisation:
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
No. 6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor, Malaysia
E-mail: icopm@mpob.gov.my

Closing Date:
30 November 2015

To register, log on to:
www.mpob.gov.my/ICOPM
*Terms & Conditions Apply

Program interaksi bincang industri sawit

Oleh Juanita Lourdes
Juanita@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Sejumlah 90 peserta menghadiri program interaksi anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan wakil industri sawit Malaysia sempena Program Suai Kenal Minyak Sawit 2015 (POFP 2015) di sini, baru-baru ini.

Program interaksi ini menarik perhatian wakil industri kerana maklumat terkini berkaitan minyak sawit di negara peserta POFP 2015 yang dipilih dikongsi pada sesi interaksi.

Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din, dalam ucapan perasmian program itu berkata, sesi interaksi dengan wakil industri adalah antara program utama POFP 2015 bertujuan menyediakan platform bagi perbincangan antara pengguna minyak sawit dari pelbagai negara dengan wakil industri sawit Malaysia.

Program interaksi ini dibahagikan kepada dua sesi dan dipengerusikan Dr Ahmad Kushairi Din.

Bentang 6 kertas kerja

Sebanyak enam pembentangan kertas kerja diadakan yang disampaikan enam peserta dari negara Pakistan, India, China, Filipina, Sweden dan Spain.

Pada pembentangan kertas kerja, pembentang daripada India menyatakan minyak sawit yang tidak mengandungi lemak trans berpotensi tinggi di pasaran di negara tersebut.

Selain itu, minyak sawit olein yang stabil mampu digunakan oleh industri makanan terutama manisan tradisi penduduk India.

Di samping itu, pembentang daripada Sweden memaklumkan bahawa negara itu mementingkan minyak sawit yang dijamin mampan.

Dalam sesi interaksi yang diadakan, peserta bertukar pandangan berkaitan perdagangan minyak sawit di seluruh dunia dan diharapkan bahawa interaksi ini dapat mempertingkatkan lagi pasaran minyak sawit Malaysia ke seluruh dunia.

MPOB anjur bengkel minyak sawit di Iran



Duta Besar Malaysia ke Iran, Raja Nurshirwan bin Zainal Abidin, Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din serta diplomat Malaysia semasa bengkel minyak sawit di Tehran, Iran baru-baru ini.

» Beri maklumat tepat, selesai isu, rangsang eksport ke Tehran

Oleh Mohd Fairus Mohd Hidzir, Dr Miskandar Mat Sahri, Dr Nagendran Bala Sundram dan Dr Nuzul Amri Ibrahim

► Tehran

Minyak sawit Malaysia sentiasa menghadapi pelbagai cabaran pasaran termasuk di Iran biar pun eksport produk sawit Malaysia ke Iran telah melebihi 700,000 tan pada tahun 2013.

Pertukaran tampuk pemerintahan di Iran berikutan pi-

lihan raya presiden pada akhir 2013 mempengaruhi perubahan polisi import minyak sawit di Iran. Malah terdapat kempen memburuk-burukkan minyak sawit sejak akhir tahun 2014 yang secara langsung telah merencatkan eksport produk sawit ke Iran.

Jalin kerjasama

Pada tahun 2014, eksport hasil sawit Malaysia ke Iran jatuh mendadak dan hanya mencapai jumlah eksport sebanyak 515,231 tan berbanding tahun sebelumnya.

Beberapa tindakan segera termasuk pertemuan dengan Timbalan Menteri Kesihatan Iran pada Ogos 2014, lawatan kerja Presiden Persatuan Nutrisi Iran ke Malaysia pada November 2014 serta lawatan ahli parlimen Iran ke MPOB pada Mac 2015 telah diadakan bagi

menangani isu minyak sawit di Iran.

Bagi meneruskan kesinambungan usaha tersusun Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk menyelesaikan isu minyak sawit di Iran, MPOB dengan kerjasama Iranian Vegetable Oil Industri Association (IVOIA) telah menganjurkan bengkel minyak sawit di Tehran baru-baru ini.

Satu bengkel minyak sawit khusus untuk pembuat polisi dan kakitangan kerajaan terutamanya dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan, Kementerian Pertanian, Jabatan Piawaian Iran (Iran Standard) dan beberapa agensi kerajaan lain telah diadakan di sebuah hotel ternama di Tehran, Iran.

Sesi khusus untuk kakitangan kerajaan ini penting bagi memastikan maklumat tepat

berkaitan minyak sawit Malaysia dapat disampaikan kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam merangka polisi import di Iran.

Serah 5 kertas kerja

Lima kertas kerja disampaikan semasa sesi bersama kakitangan kerajaan Iran oleh tiga penceramah dari MPOB serta dua ahli industri sawit Malaysia yang masing-masing satu dari Mewah Edible Oils dan IOI Loders Crocklaan.

Kerjasama serta sokongan dari industri sawit Malaysia yang terlibat secara langsung dalam bengkel minyak sawit di Iran mencerminkan sikap terbuka MPOB yang sentiasa mengambil kira pandangan ahli industri serta mahukan penglibatan mereka dalam menyelesaikan isu berkaitan minyak sawit bagi kepentingan bersama.

Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dalam pembentangan kertas kerja beliau bertajuk 'Palm oil usage in the world' menyatakan kepentingan sumbangan minyak sawit bagi memenuhi permintaan dunia yang semakin meningkat.

"Bahkan penggunaan minyak sawit yang merangkumi sekitar 30% atau 60 juta tan dari 200 juta tan penggunaan minyak makan di dunia pada tahun 2014 adalah yang terpenting berbanding minyak lain seperti minyak soya, minyak rapeseed dan minyak bunga matahari", katanya.

Selain itu, pembentang kertas kerja yang lain turut menunjukkan pelbagai kepentingan serta kelebihan penggunaan minyak sawit untuk menghasilkan produk yang berkualiti.

Misalnya penggunaan produk sawit dalam penghasilan lemak tanpa penghidrogenan dapat mengelakkan terhasilnya asid lemak trans yang terbutki membahayakan kesihatan.

Kedutaan Malaysia sedia pameran produk sawit

Oleh Mohd Fairus Mohd Hidzir dan Rafizah binti Mazlan

Tehran: Hasil sawit masih merupakan eksport utama Malaysia ke Iran biarpun komoditi ini menghadapi pelbagai cabaran pasaran di Iran berikutan terdapatnya beberapa kempen memburuk-burukkan minyak sawit di Iran.

Sehubungan itu, perbincangan antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan pihak Ke-

dutaan Malaysia di Tehran, Iran diadakan bagi merangka pelan tindakan dan rancangan bagi menangani serta memperbetulkan persepsi negatif kesan kempen memburuk-burukkan minyak sawit di Iran.

Sebar maklumat tepat

Kedutaan Malaysia di Iran sentiasa membantu industri sawit negara khususnya MPOB untuk menyampaikan dan menyebarkan maklumat tepat berkaitan industri dan produk sawit Malaysia.

Berikutan itu, Duta Malaysia ke

Iran, Raja Nurshirwan Zainal Abidin bersetuju dan menyokong syor MPOB supaya pameran produk berasaskan sawit diadakan di pejabat kedutaan Malaysia di Tehran, Iran.

Ruang pameran itu bertujuan menyedarkan dan menyampaikan maklumat kepada pengunjung khususnya rakyat Iran yang datang berurusan di Pejabat Kedutaan Malaysia di sana.

Raja Nurshirwan turut mencadangkan MPOB menyediakan maklumat berkaitan minyak sawit Malaysia yang diterjemahkan



Raja Nurshirwan bin Zainal Abidin dan Dr Ahmad Kushairi Din merasmikan ruang pameran produk berasaskan sawit di Kedutaan Malaysia di Iran baru-baru ini.

ke Bahasa Parsi bagi memastikan penyebaran maklumat yang berkesan di Iran.

Berikutan itu, pihak Kedutaan Malaysia di Tehran telah melancarkan ruang pameran produk berasaskan sawit sempena kun-

jungan hormat Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din kepada Duta Malaysia di Iran, baru-baru ini.

Ruang pameran itu dirasmikan bersama oleh Raja Nurshirwan dan Dr Ahmad Kushairi.

Hello Komoditi meriahkan Karnival Balau Dalat

» *Tingkat kesedaran kepentingan tanaman komoditi*

Oleh Muhammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

► MUKAH

Program Hello Komoditi turut memeriahkan Karnival Balau (Rumbia) Dalat di Tebingan Pekan Dalat yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Program dianjurkan bersama agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (LLM) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN).

MPIC bertanggungjawab terhadap pembangunan industri komoditi utama negara iaitu minyak sawit, getah, kayu-kayan, ko-



Datuk Fatimah Abdullah bersama petugas pameran Hello Komoditi di Mukah.

ko, tembakau, kenaf dan lada hitam.

Terangkan peranan MPIC

Melalui program Hello Komoditi,

kementerian dan agensi di bawahnya dapat menerangkan kepada masyarakat mengenai peranan serta kemudahan yang disediakan oleh MPIC dan agensi di

bawahnya.

Program berkenaan adalah pendekatan untuk bertemu masyarakat bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan me-

ngenai kepentingan tanaman komoditi utama negara dan produk-produk berasaskan komoditi.

Program Hello Komoditi berjaya memupuk dan menarik minat masyarakat terutama golongan belia untuk mendalami peluang pekerjaan di sektor perladangan dan sektor berkaitan.

Ia juga menyediakan maklumat mengenai untuk meningkatkan pendedahan dan kesedaran kepada pekebun kecil mengenai kewujudan kemudahan, insentif, skim bantuan dan galakan yang disediakan oleh agensi-agensi di bawah MPIC bagi membantu meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil.

Pamer pencapaian

Sempena program itu, MPOB mempamerkan pencapaian penyelidikan dalam teknologi jentera, industri dan aktiviti pelesenan.

Turut diadakan pertandingan kuiz dan teka berat tandan sawit kepada pengunjung.

Perasmian Hello Komoditi ini disempurnakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Turut hadir di karnival tahunan itu termasuk Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat, Datuk Fatimah Abdullah; Menteri Muda Kemudahan Awam (Bekalan Air) dan Pertanian (Pertubuhan Peladang) Sarawak, Datuk Sylvester Entri Muran, serta ADUN Balingian, Yussibnosh Balo.

PQPP melalui penggredan buah sawit

Oleh Mohd Noor Azam Ayob
azam@mpob.gov.my

Industri sawit adalah antara penyumbang penting dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menjadikan Malaysia antara pengeluar dan pengeksport utama minyak dan lemak dunia.

Sejajar dengan pencapaian ini, MPOB terus berusaha memastikan kelestarian dan kesinambungan serta komited untuk mempertingkatkan kualiti pengeluaran minyak sawit negara.

MPOB percaya melalui penekanan kualiti, hasil pengeluaran minyak sawit negara akan terus berdaya saing dalam pasaran minyak dan lemak dunia.

Kualiti dan kuantiti minyak sawit dihasilkan di ladang dan diproses di kilang, sebagaimana pengeluaran barangan industri lainnya, buah sawit adalah bahan mentah yang menentukan kualiti produk yang dihasilkan.

Sebagai panduan, MPOB menerbitkan Manual Penggredan sebagai rujukan pihak industri memenuhi tahap yang ditetapkan.

Manual Penggredan diterbitkan

kan berdasarkan kajian mendalam dan penuh penelitian bagi memastikan ianya praktikal dan memenuhi kehendak industri dan lebih penting pihak kilang menerima dan memproses buah sawit yang berkualiti dalam kuantiti yang banyak.

MPOB sentiasa berusaha untuk memastikan pengetahuan tentang penggredan buah sawit dipraktikkan oleh peladang, pembeli dan pengilang buah sawit.

Melalui "Premium Quality Premium Price" (PQPP), para pembekal (pekebun kecil dan ladang) dan pembeli (peniaga dan pengilang) penekanan terhadap urusan jual beli buah sawit berkualiti hendaklah dilaksanakan melalui penguatkuasaan sepenuhnya larangan urus niaga buah sawit muda.

Pertingkat kadar perahan

Larangan ini adalah inisiatif MPOB untuk mempertingkatkan kadar perahan minyak kerana berdasarkan kajian-kajian, buah sawit muda mempunyai kandungan minyak yang rendah dan ini akan menurunkan kadar perahan minyak.

Melalui penggredan, pembekal akan mengetahui kualiti buah sawit

dan seharusnya mendapat ganjaran yang sepadan dengan hasil usaha yang diberi. Pengilang akan dapat menganggar perolehan pengeluaran minyak yang dihasilkan.

Walau bagaimanapun masih terdapat kekangan terhadap penerimaan PQPP kerana:

- i. Kesedaran yang kurang terhadap kualiti oleh pembekal
- ii. Kebiasaan terhadap urusniaga secara pukal (harga per tan)
- iii. Kadar penurunan dan kenaikan harga minyak sawit yang agak tidak stabil dan sukar dijangka

iv. Manipulasi peniaga dalam penerimaan, saingan bekalan dan penentuan harga buah sawit

Pendedahan berterusan kepada pembekal supaya lebih peka dengan keutamaan kualiti akan memberi kelebihan kepada semua pihak untuk urusniaga yang lebih telus dan adil.

Garis panduan PQPP yang wajib dipatuhi oleh peniaga dan pengilang di Malaysia adalah seperti berikut:

1. Menggred buah sawit mengikut Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB. Melalui tindakan ini, buah sawit yang diproses di kilang akan lebih ber-



Aktiviti penggredan buah sawit di kilang.

kualiti dan meningkatkan kadar perahan minyak (OER).

2. Membina platform (ramp) berkonkrit yang bertujuan mengelak penambahan berat ke atas bekalan buah sawit dengan mencampur bendasing seperti batu, pasir, tanah atau jirim asing. Pertambahan berat yang disebabkan percampuran bendasing ini akan memberi kesan terhadap OER.

3. Mempamer harga 1% OER di tempat yang mudah dilihat oleh pembekal sebagai makluman ke atas harga buah sawit semasa. Langkah di atas akan memberi

pengetahuan kepada para pembekal buah sawit secara lebih telus dan hasil sebenar yang sepatutnya diperolehi oleh mereka.

4. Mempamer penunjuk timbang di tempat yang mudah dilihat pembekal bagi mengetahui jumlah berat konsainan yang dibekalkan serta menganggar pendapatan yang akan diperolehinya berdasarkan kepada harga 1% OER semasa yang dipamerkan. Penunjuk timbang ini dijangka mampu mengurangkan penyelewengan faktor berat dan harga dikalangan pembeli-pembeli buah sawit.

Tan Sri Lee terima Anugerah PILA 2015

» **Pemilihan berdasarkan sumbangan terhadap industri sawit**



Pengerusi Eksekutif IOI Corporations Berhad, Tan Sri Lee Shin Cheng dipilih sebagai penerima Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) 2015. Pemilihan tersebut adalah berdasarkan pembabitan dan sumbangan beliau kepada industri sawit Malaysia selama lebih 25 tahun.

PILA mula diperkenalkan oleh MPOC pada tahun 2008 adalah pengiktirafan tertinggi jasa individu di dalam industri sawit Malaysia serta sumbangan mereka yang berterusan kepada peningkatan industri ini.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Datuk Amar Douglas Uggah Embas di dalam satu majlis makan malam yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Semasa berucap pada majlis tersebut, Datuk Amar Douglas berkata, "Tan Sri Lee Shin Cheng adalah seorang pemimpin yang telah membuktikan bahawa ketabahan, wawasan strategik, kemahiran keusahawanan dan ker-

ja keras antara faktor yang mendorong syarikat-syarikat beliau menjadi salah satu kumpulan perladangan terkemuka di Malaysia."

Tan Sri Lee Shin Cheng adalah tidak asing lagi kepada industri kepada minyak sawit Malaysia.

Dilahirkan di Kuala Selangor pada tahun 1939, beliau membesar di sekeliling ladang sawit, yang mungkin juga telah mengukir laluan kerjaya beliau. Pada mulanya Tan Sri Lee memohon pekerjaan di Dunlop Estate, tetapi ditolak dengan alasan beliau tidak fasih berbahasa Inggeris. Tanpa putus asa, beliau memulakan kerjaya sebagai penyelia ladang sawit di syarikat perladangan yang lain. Dengan semangat yang jitu, Tan Sri Lee berjaya mengumpul dana dan membeli Dunlop Estate pada tahun 1989. Pengambilalihan ini adalah titik tolak



Tan Sri Lee menerima anugerah PILA daripada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk Amar Douglas Uggah Embas. Turut kelihatan, Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor; (kanan), Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Himmat Singh, (kiri) dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Dr Kalyana Sundram.

pembabitan beliau di dalam industri minyak sawit Malaysia.

Tambah baik industri

Melalui usaha-usaha beliau, Tan Sri Lee membuka jalan untuk terus menambahbaik dan membangunkan industri minyak sawit. Beliau juga adalah pelopor di dalam pengembangan dan peningkatan industri minyak sawit tempatan dan di peringkat antarabangsa. Ini termasuk memperoleh Loders Croklaan Group dan membuka pasaran minyak sawit Malaysia di Eropah dan juga di pasaran yang paling mencabar, iaitu Amerika Syarikat dan China.

Sebagai pengiktirafan kepada sumbangan beliau, Tan Sri Lee telah menerima Ijazah Doktor Kehormat Pertanian dari UPM pada tahun 2002. Pada tahun 2006, beliau menerima Fellowship Incorporated Society of Planters (FISP) dan pada tahun 2008, Honorary Fellowship Malaysian Oil Scientists' and Technologists' Association (MOSTA) di atas sumbangan beliau kepada sektor oleokimia. Tan Sri Lee juga menerima Anugerah Pengiktirafan Persatuan Minyak Sawit Malaysia 2011 di atas pencapaian beliau yang cemerlang dan kepimpinan di dalam industri perladangan.

Penerima LEAP 2015

Sementara itu, Datuk Boon Weng Siew menjadi penerima Anugerah Kecemerlangan Sepanjang Hayat, Industri Sawit (LEAP) 2015.

Anugerah Kecemerlangan Sepanjang Hayat, Industri Minyak Sawit (LEAP) telah diwujudkan untuk mengiktiraf individu yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan industri minyak sawit.

Anugerah ini juga telah disampaikan oleh Datuk Amar Douglas Uggah Embas di majlis yang sama.

Pada usia 92 tahun, Datuk Boon Weng Siew telah membabitkan diri selama 62 tahun di dalam

industri perladangan. Datuk Boon memulakan kerjaya perladangan beliau pada tahun 1953 sebagai Pengurus Melaka Pinda Estate (kini dikenali sebagai United Malacca Berhad). Beliau telah berkhidmat dengan sukarela, tekun dan penuh komited untuk kesejahteraan keseluruhan industri perladangan Malaysia.

Beliau memainkan peranan utama dalam pembentukan Persatuan Minyak Sawit Malaysia atau MPOA pada tahun 2002. Nasihat dan dorongan beliau sepanjang penubuhan persatuan tersebut terus dihargai sehingga hari ini.

Antara sumbangan Datuk Boon yang paling menonjol adalah meyakinkan kerajaan untuk membenarkan pekerja asing bekerja di ladang secara sah. Beliau juga telah meyakinkan kerajaan bahawa, pekerja asing di ladang-ladang bukanlah satu pilihan tetapi adalah satu keperluan. Pada akhir tahun 1988, sebagai Presiden Gabungan Persatuan Penanaman Malaysia, beliau telah berjaya meyakinkan Allahyarham Tun Ghaffar Baba, yang merupakan Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada masa itu dan juga rakan karibnya. Usaha beliau ini membuah hasil, di mana Kabinet

telah mengambil keputusan pada awal tahun 1989, di mana pekerja-pekerja asing terutama warga Indonesia, yang bekerja di ladang-ladang telah menjadi pekerja yang sah melalui proses pendaftaran di seluruh negara.

Datuk Boon juga adalah seorang daripada perintis dalam mekanisasi penanaman semula getah sejak tahun 1964 dan sedikit sebanyak mencetuskan penggunaan jentera di seluruh sektor perladangan. Sebagai Presiden Persatuan Pemilik Ladang Malaysia, Datuk Boon sentiasa mengambil berat tentang hal-hal berkaitan sektor perladangan dan berjuang untuk melindungi kepentingan ahli-ahli persatuan dan industri. Beliau juga sering mewakili ahli-ahli industri sawit di dalam mengenengahkan isu-isu untuk perhatian Menteri dan berpendirian tegas di dalam pelbagai hal.

Datuk Boon telah bersara daripada aktiviti-aktiviti industri perladangan pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, beliau tetap terus berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Meridian Plantations Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh United Malacca Berhad.



Datuk Boon menerima anugerah LEAP daripada Datuk Amar Douglas Uggah Embas. Turut kelihatan, Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Dr Kalyana Sundram (tengah).

KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pakainya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia. *Klassik sejati. Anugerah dan semulajadi.*

Minyak sawit kaya pelbagai khasiat

Minyak dan lemak dunia amat sinonim dengan sektor pemakanan. Terdapat 13 jenis minyak sayuran serta empat minyak dan lemak haiwan. Minyak sawit adalah yang terbesar didagangkan. Negara pengeluar terbesar adalah Indonesia dan Malaysia. Pada tahun 2014, Malaysia mengeksport minyak sawit dan produk keluarannya berjumlah 25.02 juta tan bernilai RM63.46 bilion. Ia didagangkan di lebih 150 negara.

Syabas kepada MPOB dan MPOC yang berjaya mempromosi minyak sawit ke pasaran antarabangsa. Ini bermakna minyak sawit Malaysia telah diterima dan semakin diyakini penggunaannya.

Ini kerana minyak sawit mempunyai pelbagai khasiat istimewa yang merangkumi industri makanan dan kesihatan. Ia juga digunakan sebagai bahan api bio yang mesra alam sekitar. Ini memberikan kualiti persekitaran yang bersih dan menjamin kehidupan manusia lebih sihat.

Khasiat sawit berkait rapat dengan ciri-ciri keistimewanya. Ia bermula dari keunikan pokok dan buahnya. Kawasan tanamannya lebih produktif kerana hanya memerlukan kadar penggunaan tanah yang kecil berbanding kawasan untuk tanaman minyak sayuran lain.

Pokok sawit boleh mengeluarkan hasil yang produktif sehingga berusia 25 tahun. Sepanjang tempoh itu, pokok ini menyerap karbon dioksida dan membebaskan oksigen untuk kehidupan. Di samping itu, ia membendung pemanasan global yang mengancam

cuaca dan iklim dunia.

Buah sawit yang berwarna kuning kemerahan menghasilkan minyak sangat berkhasiat dan istimewa. Minyak ini kaya dengan kandungan fitonutrien, vitamin A (karotena), vitamin E, tokotrienol dan tokoferol dan anti oksidan. Ia dapat mencegah dan mengurangkan kadar kolesterol, risiko obesity, komplikasi jantung dan katarak.

Ribuan kanak-kanak di negara membangun boleh dicegah daripada menjadi rabun dan buta kerana kekurangan vitamin A dengan membekalkan minyak sawit. Minuman 'Be Care' dari minyak sawit merah sangat kaya dengan beta karotena (vitamin A). Ia 15 kali ganda berkhasiat berbanding lobak merah. Minyak sawit merah juga boleh memulihkan pengerasan arteri melalui pembuangan plak, mengurangkan kolesterol dan menguatkan jantung.

Vitamin E (tokotrienol) dari minyak sawit boleh menghasilkan asid shikimik dan fenolik yang dapat mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular. Sebagai agen anti oksidan, ia turut membantu mencegah risiko penyakit barah. Vitamin E juga mampu menyembuhkan parut dan kerengsaan kulit. Banyak produk penjagaan diri seperti sabun, bahan jagaan diri dan kosmetik berasaskan vitamin E sawit dikeluarkan digunakan untuk menjaga kesihatan diri dan keluarga.

Hampir 85 peratus minyak sawit digunakan untuk menghasilkan produk makanan. Ia menjadi pilihan utama pengguna dan pengilang untuk memproses dan menghasilkan



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Rabiatul Azimah Ahmad Ghazali

(No. K/P: 980702-56-5484)
Sekolah Vokasional Klang, Klang, Selangor

produk makanan berasaskan sawit.

Antaranya adalah minyak masak, marjerin, lemak, vanaspati, aiskrim, santan, analog keju, hasilan coklat dan krimmer bukan tenusu. Semua hasil ini ternyata lebih berkhasiat, enak, tahan lama, bersih dan halal. Hasil penyelidikan dan pembangunan serta inovasi yang berterusan menghasilkan produk baru berasaskan sawit.

Selain itu, minyak sawit olein mempunyai kelebihan sebagai minyak tanpa lemak trans yang boleh stabil pada suhu sangat tinggi. Takat leburnya cuma 20 darjah Celcius, digunakan secara meluas sebagai minyak masak untuk hampir semua jenis masakan.

Pada masa ini, Malaysia juga mengorak langkah ke arah penggunaan biodiesel sawit sama ada B5, B7 atau B10. B5 merujuk kepada adunan 5 peratus diesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum.

Penggunaan biodiesel sawit secara komersial dimulakan sejak pertengahan tahun 2011. Penggunaan biodiesel sawit menyumbang ke arah persekitaran yang lebih mesra alam.

Pembangunan industri sawit beri sumbangan kepada ekonomi negara

Tahun 2015 merupakan tahun kelima pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi. Sektor sawit merupakan salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang menjana pertumbuhan Pendapatan Negara Kasar. Ia sebagai wadah bagi menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi yang inklusif dan mampan.

Industri sawit menjadi komponen terbesar sektor pertanian Malaysia di mana lebih 70 peratus tanah pertanian ditanam dengan sawit. Terdapat lebih 620,000 pekerja bekerja di sektor ini. Ia menjadi tunggak, penggerak serta penyumbang pendapatan utama sektor pertanian kepada ekonomi negara.

Statistik tahun 2014 mencatatkan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) berjumlah 19.6 juta tan. Manakala jumlah eksport minyak sawit berjumlah 25 juta tan dengan nilai RM63.4 bilion. Pendapatan tinggi ini mendorong pertumbuhan positif ekonomi negara. Di samping itu membantu peningkatan tahap socio-ekonomi luar bandar juga kemajuan bandar-bandar kecil.

Kejayaan NKEA ini didorong lapan Projek Permulaan (EPP) yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan berkaitan industri sawit. Lima EPP di sektor hulu dan tiga EPP di sektor hiliran. Antaranya penanaman semula sawit, meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS), meningkatkan produktiviti pekerja, meningkatkan kadar perahan minyak dan membangunkan kemudahan biogas di kilang minyak sawit.

Di peringkat hiliran pula adalah pembangunan derivative oleo, mengkomersialkan bio-bahan api generasi kedua dan merencanakan



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Mohd Asyraf Abd Samad

(No. K/P: 930923-02-5179)
Taman Angkasa Indah, Kajang, Selangor

pertumbuhan produk makanan dan kesihatan berasaskan sawit.

Kerajaan melalui MPOB menyediakan pelbagai bantuan kewangan seperti Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK), Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil (SBSPK), Skim Insentif Biodiesel Sawit (SIBS), Integrasi Ternakan dan sebagainya. Terdapat juga insentif lain berbentuk subsidi seperti Skim Diskaun Cantas untuk meningkatkan produktiviti ladang sawit. Selain itu, MPOB menggalakkan mekanisasi ladang dipergiatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

Bagi menjana kemapanan industri sawit, satu piawaian Malaysia diperkenalkan iaitu Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO). Ia memperkukuhkan lagi segala piawaian yang telah dilaksanakan dalam rangkaian aktiviti di peringkat ladang dan kilang seperti Amalan Pertanian Baik (GAP), Kod Amalan MPOB (COP) dan Pensijilan Meja

Bulat Sawit Mampan (RSPO).

Penubuhan Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) dan Koperasi Penanam Sawit Mampan memberi banyak faedah melalui pemantauan dan mendapat pengiktirafan khusus supaya standard keluaran sawit bermutu, selamat dan mampan. Melalui piawaian-piawaian di atas, negara dapat menjenamakan minyak sawitnya untuk digunakan di serata dunia. Dengan sokongan mereka industri sawit mampan Negara akan terus mendominasi pasaran antarabangsa.

Penstrukturan semula cukai eksport ke atas minyak sawit mentah memberi kesan baik ke atas minyak sawit di peringkat tempatan dan global. Ini bagi memastikan cukupnya bekalan minyak sawit mentah dengan harga yang berpatutan, khasnya untuk industri hiliran negara. Dengan itu, industri hiliran berasaskan sawit seperti kilang penapis, kilang oleokimia dan kilang biodiesel lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Diperingkat global, usaha-usaha juga diteruskan bagi memastikan pasaran produk sawit tidak terjejas akibat tohmahan-tohmahan yang memberi persepsi negatif terhadap minyak sawit dari segi pemakanan / kesihatan dan kemampanan. Segala isu yang timbul ditangani sebaiknya dengan berinteraksi dengan pihak berkaitan di pasaran antarabangsa.

Setiap tahun MPOB berjaya menghasilkan pelbagai teknologi baru, penemuan fakta saintifik, penganjuran Persidangan Minyak Sawit Antarabangsa, seminar, lawatan kerja, Majlis Anugerah Sawit, Hello Komoditi dan sebagainya. Tidak ketinggalan penerbitan artikel saintifik dalam jurnal saintifik antarabangsa.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN OKTOBER 2015

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1: Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Tanaman sawit tingkat taraf hidup penduduk luar bandar. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
⊙ Hadiah Pertama : RM250
⊙ Hadiah Kedua : RM200
⊙ Hadiah Ketiga : RM150

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Minyak sawit Malaysia semakin diterima pengguna global. Bincangkan".

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan November 2015 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan September 2015

Pemenang Kategori 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Rabiatul Azimah Ahmad Ghazali
(No. K/P: 980702-56-5484)
Sekolah Vokasional Klang, Klang, Selangor

Hadiah Kedua
Norsyazwina Hassan
(No K/P: 020211-08-1110)
SMK Sungai Besar Sungai Besar, Selangor

Hadiah Ketiga
Muhammad Syahir Afham Roziki
(No K/P: 000807-07-0561)
SMK Sijangkang Jaya Telok Panglima Garang, Selangor

Pemenang Kategori 2
Awam

Hadiah Pertama
Mohd Asyraf Abd Samad
(No. K/P: 930923-02-5179)
Taman Angkasa Indah Kajang, Selangor

Hadiah Kedua
Noraini Abdullah
(No. K/p: 860222-03-5306)
Wakaf Che Yeh Kota Bharu, Kelantan

Hadiah Ketiga
Jamaliah Abdul Rahman
(No. K/P: 620307-01-5264)
Taman Jasa Perwira Batu Caves, Selangor

Syarat Penyertaan

- ⊙ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ⊙ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas dan bukan kakitangan MPOB
- ⊙ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ⊙ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan dan sertakan sekeping gambar ukuran passport
- ⊙ Keputusan juri adalah muktamad
- ⊙ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Oktober 2015
- ⊙ Hantarkan penyertaan ke alamat: **Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)**



Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Menteri Permodenan Pertanian dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu Anak Numpang bersama Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dalam satu sidang media yang diadakan di Kuching, Sarawak baru-baru ini berkaitan bantuan kerajaan kepada pekebun kecil.



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad bersama Datuk Dr. Choo Yuen May mengadakan perbincangan dengan delegasi Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNT) yang diketahui Pengerusinya Dato' Sri Saipolbahari Suib di Ibu Pejabat MPOB.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May mendengar penerangan daripada Pengerusi Eksekutif Teck Guan, Datuk Hong Ngit Ming ketika lawatan ke kilang oleokimia Teck Guan Jiangsu di China.



Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May bergambar bersama peserta Program Suai Kenal Industri Sawit (POFP) 2015. Turut kelihatan ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Zainal Azman Abu Seman dan Setiausaha Bahagian Kerjasama dan Pembangunan Antarabangsa Kementerian Luar Negeri, Feny Nuli.